

TARIKH	28 / 8 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	2	RUANGAN	Nasional

400 terima tawaran haji

» *Imam, Penggerusi JKKK dipilih di bawah program 1MDB*

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah@bharian.com.my

Putrajaya

Seramai 400 imam dan Penggerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), semalam menerima surat tawaran menunaikan haji tahun ini daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Program tajaan Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) membabitkan kira-kira RM4 juta itu adalah yang kedua dilaksanakan selepas kejayaan program tahun lalu membabitkan 111 penerima.

Najib berkata, peranan be-

sar imam dan Penggerusi JKKK dalam urusan kemasyarakatan menyebabkan mereka terpilih mengerjakan Rukun Islam kelima itu, termasuk imam yang sering terbabit dalam program agama serta Penggerusi JKKK atau Ketua Kampung dalam urusan setempat tanpa mengira waktu.

Najib pasang niat

Beliau berkata, jumlah penyertaan dalam Program Khas Haji tajaan Yayasan 1MDB juga ditambah kerana kesan besar yang dilihat sendiri oleh beliau ketika menunaikan haji

tahun lalu.

“Sejak menerajui negara, saya memasang niat mencari jalan memastikan setiap imam dan ketua kampung di seluruh negara dapat menuaikan fardu haji. Saya dapat lihat berapa besarnya kesan program ini dan betapa bersyukur mereka yang terpilih,” katanya.

Turut hadir Penggerusi 1MDB, Tan Sri Lordin Wok Kamruddin serta Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji, Datuk Ismee Ismail.

Prinsip maqasid syariah

Perdana Menteri berkata, cara pentadbiran kerajaan berdasarkan prinsip maqasid syariah yang diamalkan sekarang membolehkan rakyat mendapat manfaat daripada pertambahan hasil kekayaan negara, selain menjaga kemuliaan Islam.

“Kita pastikan urusan jemaah haji Malaysia adalah yang terbaik di dunia dalam kalangan negara Islam. Banyak melihat kita uruskan jemaah haji dengan baik dan ini kerana kita berpegang kepada prinsip maqasid syariah,” katanya.

BERITA HARIAN

ILMU DAN MAKLUMAT

TARIKH	28 / 8 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	2	RUANGAN	Nasional



Najib bersalaman dengan sebahagian imam dan pengurus JKKB yang terpilih menyertai **Program Khas Haji tajaan Yayasan 1Malaysia Development Berhad tahun ini**, di Putrajaya, semalam.

[FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]